

11/02/1999

MCA serah kepada Dr M tentukan calon

KUALA LUMPUR, Rabu - MCA menyerahkan kepada budi bicara Presiden Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menentukan calon sesuai mewakili parti itu untuk bertanding pada pilihan raya Sabah, tidak lama lagi.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata dalam keadaan genting yang mana semua orang sedang bertungkus lumus untuk memastikan kejayaan BN di negeri itu, perkara membabitkan pencalonan tidak patut ditimbulkan.

"Matlamat utama semua parti komponen BN sekarang ialah memastikan kemenangan di Sabah. Oleh itu, soal mengenai pemberian kerusi tidak patut ditimbulkan sekarang.

"Bagi MCA, kami menyerahkan perkara ini diuruskan oleh pemimpin tertinggi BN," katanya pada sidang akhbar sebelum di pejabatnya, di sini hari ini.

MCA yang mempunyai ahli kira-kira 20,000 orang di Sabah, ketika ini hanya mempunyai seorang wakil iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Api-Api, Datuk Chau Tet On.

Chau yang bertanding atas tiket Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pilihan raya 1994, kemudian menyertai MCA.

Sementara itu, Dr Ting berkata Dr Mahathir adalah antara 12,000 orang yang dijangka menghadiri majlis makan malam sempena perayaan Jubli Emas MCA, di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 25 Februari ini.

Menurutnya, majlis itu adalah antara majlis utama yang akan diadakan sempena meraikan ulang tahun ke-50 parti itu.

Beliau berkata, MCA akan mengadakan perayaan bagi menyambut ulang tahun itu selama tiga hari berturut-turut dengan perhimpunan pada 27 Februari sebagai kemuncak meraikan ahli veteran, terutama pengasas parti pada 1949.

(END)